




Garis Panduan Amalan Perniagaan

Kod Etika Infineon

Business Conduct Guidelines

Infineon's code of ethics



Isi kandungan

Mesej daripada Lembaga Pengurusan	5
Mukadimah	7
Kita mematuhi undang-undang dan berpegang pada janji	8
Kita adalah peserta pasaran yang adil	11
Kita mematuhi undang-undang persaingan dan “anti-trust”	11
Kita menolak rasuah	11
Kita menerima hadiah berharga dan jemputan hanya dalam kes-kes istimewa	11
Kita urus secara terbuka mengenai konflik kepentingan	12
Kita berhati-hati memilih rakan niaga kita	13
Kita menghalang pengubahan wang haram	13
Kita mematuhi undang-undang kawalan eksport	13
Kita melayani satu sama lain dengan hormat	14
Kita mematuhi dan melindungi hak asasi dan hak sosial asas	14
Kita promosikan budaya pekerja mengenai keterbukaan dan hormat-menghormati	14
Kita memimpin melalui teladan	16
Kita menghargai badan perwakilan pekerja	16
Kita promosikan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja	16
Kita kendalikan alatan syarikat dan maklumat dengan berhati-hati	19
Kita memperlakukan harta Infineon dengan berhati-hati	19
Kita melindungi harta intelek Infineon	19
Kita melindungi rahsia syarikat	19
Kita mematuhi peraturan perlindungan data dan Sekuriti maklumat	20
Kita promosikan ketelusan, keterbukaan dan kebolehpercayaan dalam dokumentasi	20
Kita tidak mengeksploitasi pengetahuan dalaman kita	20
Kita jujur dalam tanggungjawab sosial kita	23
Kita komited kepada kemampuan, kualiti dan keselamatan produk	23
Kita melindungi persekitaran kita	23
Kita menunjukkan komitmen sosial	23
Kita memastikan bahawa Garis Panduan Amalan Perniagaan dipatuhi dan dikuatkuasakan	24
Kita sentiasa mengambil bahagian di dalam latihan BCG	24
Kita melaporkan salah laku secara proaktif	24
Kita mendakwa pelanggaran tanpa niat dengan cara yang seimbang dan mudah difahami	26
Ini adalah tempat yang betul untuk bertanya tentang BCG Infineon	26



1. Mesej daripada Lembaga Pengurusan

Garis Panduan Amalan Perniagaan (BCG)

Rakan sekerja yang dihormati sekalian,

Infineon adalah rakan kongsi yang boleh dipercayai. Ini adalah janji kita kepada rakan niaga, pelabur, pekerja dan orang awam. Sebagai balasan, kita meminta mereka meletakkan kepercayaan kepada kita. Kita bergantung kepada tanggungjawab peribadi dan integriti anda, dan kita yakin bahawa kita boleh menghormati janji kita.

Tetapi bagaimanakah kita boleh memastikan kita berkelakuan dengan cara yang sah dan beretika betul dalam setiap situasi? Garis Panduan Amalan Perniagaan yang baru adalah satu set penyatu prinsip yang membantu kita membuat keputusan autonomi dalam melaksanakan tugas. Mematuhi garis panduan ini melindungi kita dan syarikat kita terhadap tingkah laku yang tidak sesuai.

Walau bagaimanapun, kita juga mahu memudahkan aktiviti sehari-hari kita. Dalam amalan, kita bergantung kepada akal yang baik. Jika terdapat sebarang keraguan, tanya diri anda beberapa soalan mudah mungkin boleh membantu:

- › Adakah saya bersikap dengan betul dan tidak bertindak untuk kepentingan sendiri?
- › Adakah tindakan atau keputusan saya sah? Adakah ia menepati yang tersurat dan tersirat dalam Garis Panduan Amalan Perniagaan dan peraturan dalaman yang lain?
- › Adakah tindakan atau keputusan saya melindungi reputasi Infineon sebagai sebuah syarikat dengan piawaian etika yang tinggi?
- › Adakah tindakan atau keputusan saya lulus “ujian publisiti”, iaitu menyampaikan imej positif Infineon dalam laporan akhbar atau program TV?

Jika kita boleh menjawab soalan-soalan ini dengan “ya”, maka berkemungkinan besar kita membuat keputusan yang tepat. Jika ragu-ragu tentang apa-apa keadaan tertentu, hubungi pengurus anda atau Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) anda.

Setiap seorang daripada kita menyumbang kepada kejayaan Infineon. Tingkah laku yang tidak sesuai, walaupun oleh seorang pekerja, boleh menyebabkan kerugian besar kepada Infineon dan boleh mempunyai kesan kewangan yang buruk. Dengan mengekalkan Garis Panduan Amalan Perniagaan di minda semasa di tempat kerja, kita memastikan bahawa kita bertindak mengikut undang-undang semasa dan mematuhi keperluan dalaman.

Sila baca Garis Panduan Amalan Perniagaan baru dengan teliti. Gunakannya sebagai panduan untuk tingkah laku sehari-hari serta tindakan dan keputusan yang berkaitan dengan perniagaan anda. Ini akan membolehkan kita untuk menggabungkan kejayaan keusahawanan dengan tingkah laku bertanggungjawab - dan membolehkan kita untuk menghormati janji kita.

Terima kasih atas sokongan anda!


Dr. Reinhard Ploss


Dominik Asam


Dr. Helmut Gassel


Jochen Hanebeck

Sekilas pandang

- › Garis Panduan Amalan Perniagaan (BCG) terpakai kepada semua kakitangan Infineon di seluruh dunia
- › Jawapan kepada persoalan undang-undang dan etika



2. Mukadimah

Integriti adalah prinsip panduan kita dalam berurusan dengan pelanggan, pemegang saham, rakan niaga, pekerja dan orang awam.

Garis panduan ini memberikan gambaran keseluruhan peraturan-peraturan penting yang bertujuan untuk memberikan sokongan dalam persoalan undang-undang dan etika. BCG ini mesti dihidupkan oleh setiap orang setiap hari. Setelah itu barulah kita boleh menghidupkan matlamat kita untuk bertindak secara bertanggungjawab dan secara sah.

BCG terpakai kepada semua orang yang bekerja di Infineon dan ahli-ahli badan korporat Infineon Technologies AG dan sekutunya di seluruh dunia dan pastinya menyatukan kita semua. Walau bagaimanapun, mereka tidak boleh, oleh sifat mereka, menjawab semua soalan yang mungkin kita hadapi dalam kerja harian kita. Oleh itu, kita perlu komited kepada apa yang tersurat dan tersirat di dalam BCG dan dibimbing bukan sahaja oleh apa yang dibenarkan oleh undang-undang, tetapi juga apa yang beretika betul.

3. Kita mematuhi undang-undang dan berpegang pada janji

Pelanggaran undang-undang boleh menyebabkan kerugian yang besar: denda, tuntutan bagi ganti rugi atau kemerosotan atau kehilangan reputasi - bagi syarikat di seluruh dunia dan pekerja individu.

Oleh itu, mematuhi undang-undang adalah kewajipan utama untuk kita pada setiap masa dan di semua tempat di dunia. Keutamaan mutlak adalah sentiasa bersikap mematuhi undang-undang. Ini diguna pakai walaupun seorang individu itu percaya yang tingkah laku ini mungkin boleh menyebabkan tidak produktif atau mungkin tidak menyokong perniagaan mereka atau matlamat kewangan.

Mana-mana pekerja Infineon yang melakukan sebarang kesalahan pasti akan mendapat tindakan disiplin akibat daripada pelanggaran kewajipan pekerjaannya.

Integriti kita adalah aset yang bernilai. Oleh itu, piawai etika kita perlu melepasi keperluan undang-undang: Kita hanya berjanji apa yang kita mampu laksanakan - dan kita berpegang kepada janji-janji. Kebolehpercayaan dan kualiti produk kita, perkhidmatan dan komunikasi adalah amat penting dalam usaha untuk mendapatkan kepercayaan pelanggan, pelabur dan rakan sekerja. Mengkhianati kepercayaan ini, contohnya dengan menjejaskan kualiti dalam pembangunan atau pengeluaran, mungkin boleh menjejaskan kejayaan keseluruhan syarikat, walaupun ia nampak seperti satu isu kecil.



Sekilas pandang

- › Undang-undang lazim adalah rangka kerja syarikat
- › Pelanggaran peraturan akan membawa kesan
- › Janji-janji dihormati

Sekilas pandang

- › Persaingan yang adil adalah paling utama
- › Hubungan dengan pesaing memerlukan kelulusan
- › Sentiasa mematuhi undang-undang “anti-trust” dan persaingan
- › Rasuah adalah tidak serasi dengan budaya nilai Infineon
- › Penerimaan hadiah berharga dan jemputan hanya dalam kes-kes istimewa
- › Memastikan ketelusan dalam kemungkinan konflik kepentingan
- › Tiada kerja sampingan atau kerjasama dengan pesaing
- › Meneliti integriti rakan niaga
- › Menghalang perubahan wang haram



4. Kita adalah peserta pasaran yang adil

4.1 Kita mematuhi undang-undang persaingan dan “anti-trust”

Kita komited kepada persaingan yang adil untuk kepentingan semua peserta pasaran. Setiap seorang daripada kita mempunyai kewajipan untuk mematuhi peraturan undang-undang persaingan dan “anti-trust” apabila berurusan dengan rakan niaga atau pihak ketiga. Tiada pengecualian; tiada tolak ansur dalam pelanggaran.

Perjanjian terbatas dengan pesaing, pelanggan, pembekal atau pengedar adalah dilarang sama sekali. Menyalahgunakan kedudukan pasaran yang dominan juga dilarang. Oleh kerana risiko yang tinggi pertukaran maklumat secara haram, hubungan dengan pesaing perlu terlebih dahulu diluluskan oleh Pejabat Pematuhan (Compliance Office).

Peraturan yang lebih terperinci boleh didapati di Peraturan Global “Undang-undang anti-trust”.

4.2 Kita menolak rasuah

Kita mahu bersaing dan memenangi pelanggan menurut kualiti produk dan nilai perkhidmatan kita - bukan melalui cara yang tidak adil. Kelakuan rasuah adalah tidak diterima dengan budaya nilai kita dan tiada tolak ansur untuknya. Perbuatan yang kelihatan seperti rasuah mesti dielakkan dalam apa jua keadaan. Infineon menyokong usaha negara dan antarabangsa untuk memerangi rasuah. Kita menolak rasuah, dalam apa jua bentuk.

Tiada seorang pun daripada kita boleh mengeksploitasi hubungan syarikat untuk kepentingan mereka sendiri atau pihak ketiga dan dengan itu menjejaskan Infineon.

Menerima faedah peribadi daripada pihak ketiga (seperti wang, perkhidmatan atau diskaun) adalah dilarang kerana ianya boleh menghalang objektif keputusan perniagaan.

Dalam hubungan dengan badan-badan kerajaan di Jerman dan di luar negara, kita tidak pernah membuat pembayaran atau memberi manfaat bukan tunai kepada pegawai-pegawai untuk mendapatkan tempahan atau kelebihan untuk Infineon. Jika pegawai atau rakan niaga meminta atau menawarkan manfaat peribadi, anda tidak boleh bersetuju dalam apa jua keadaan dan mesti memberitahu penyelia anda dan Pejabat Pematuhan (Compliance Office) dengan segera.

4.3 Kita menerima hadiah berharga dan jemputan hanya dalam kes-kes istimewa

Hadiah boleh diberi atau diterima hanya jika dibenarkan di bawah sistem undang-undang tempatan dan hanya jika sebarang keputusan tidak dan tidak boleh dianggap sebagai dipengaruhi oleh mereka. Ianya juga tertakluk kepada jemputan ke acara, makan tengah hari atau makan malam dan keistimewaan lain dalam apa jua bentuk.

Untuk melindungi pekerja individu dan syarikat, kemungkinan situasi yang kritikal memerlukan kelulusan awal daripada Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) yang bertanggungjawab atau orang yang diberi kuasa oleh keadaan semasa. Peraturan yang lebih terperinci boleh didapati dalam Peraturan Global “Hadiah & Jemputan”. Hadiah dan keistimewaan lain mungkin tertakluk kepada cukai ke atas bayaran bukan tunai. Semua peraturan cukai yang dikenakan mesti dipatuhi.

4.4 Kita urus secara terbuka mengenai konflik kepentingan

Kita menghormati kepentingan peribadi dan kehidupan peribadi semua kakitangan. Kita amat mengambil berat dalam mengelakkan konflik antara kepentingan peribadi dan perniagaan walaupun hanya sedikit. Pekerja mesti mendedahkan kemungkinan konflik kepentingan dalam keputusan perniagaan kepada pihak atasan mereka. Keputusan kakitangan juga mesti tidak dipengaruhi oleh kepentingan peribadi atau hubungan. Berikut terpakai secara khusus:

Kita dedahkan tentang faedah penyertaan (participating interest) kita

Pekerja Infineon mesti, dengan sendirinya, memberitahu pihak atasan mereka dan jabatan HR secara bertulis jika:

- > mereka memegang atau memperoleh suatu faedah penyertaan (participating interest) yang mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung dalam pesaing dan boleh mempengaruhi pengurusan syarikat
- > mereka memegang atau memperoleh suatu faedah penyertaan (participating interest) yang mengambil bahagian secara langsung atau tidak langsung pada rakan niaga Infineon dan mempunyai urusan dengan syarikat yang berkenaan sebagai sebahagian daripada kerja mereka

Begitu juga jika pihak yang berkaitan (contohnya ahli keluarga) memegang atau memperoleh faedah penyertaan (participating interest) tersebut.

Kita dedahkan tentang kerja sampingan kita

Kerja sampingan berbayar dan tempat di dalam perusahaan perniagaan lain (seperti di Lembaga Pengurusan, Lembaga Pentadbiran, Lembaga Pengawasan atau Lembaga Penasihat) hendaklah dilaporkan kepada jabatan HR. Di atas mungkin dilarang jika:

- > ianya menjejaskan kerja pekerja
- > ianya bercanggah dengan tugas pekerja di Infineon
- > terdapat risiko konflik kepentingan

Keputusan dibuat oleh pengurus pekerja.

Apa-apa aktiviti secara langsung atau tidak langsung untuk sebuah syarikat yang bersaing secara langsung atau tidak langsung dengan Infineon adalah tidak dibenarkan.

Aktiviti penulisan sekali-sekala, kuliah dan aktiviti amal adalah tidak dianggap sebagai kerja sampingan. Butiran dan penyimpangan atas sebab-sebab yang sah di negara-negara individu (seperti Amerika Syarikat, Itali) adalah dinyatakan dalam perjanjian dengan Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) Korporat.

4.5 Kita berhati-hati memilih rakan niaga kita

Kita juga mengharapkan rakan-rakan niaga kita untuk bertindak dengan integriti dalam urusan perniagaan mereka. Itulah sebabnya, apabila diperlukan, kita meneliti rakan niaga kita untuk memastikan sama ada mereka menyediakan perlindungan untuk memastikan pematuhan dengan undang-undang dan mematuhi hak asasi manusia dan piawaian sosial yang diakui oleh Infineon. Kita tidak mahu terlibat masuk ke dalam hubungan perniagaan dengan rakan niaga yang melanggar undang-undang negara yang berkaitan atau konvensyen antarabangsa, menyembunyikan identiti atau pemilikan struktur sebenar, mengubah wang haram atau membiayai keganasan, atau dengan rakan niaga yang gagal membuat usaha yang sewajarnya untuk membetulkan keadaan tersebut.

Kita berharap para pembekal kita untuk memenuhi keperluan yang ditetapkan dalam “Prinsip Pembelian” kita.

4.6 Kita menghalang pengubahan wang haram

Pengubahan wang haram, satu pengenalan wang yang diperolehi secara haram ke dalam perniagaan yang sah dan sistem kewangan, contohnya oleh pertukaran atau pemindahan, adalah satu jenayah di banyak negara. Setiap orang di Infineon adalah bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan Jerman dan negara asing ke atas pengubahan wang haram di tempat kerja. Ini termasuk kewajipan untuk mendapatkan maklumat yang mencukupi sebelum transaksi ke dalam persekitaran perniagaan rakan niaga kontrak, rakan niaga kontrak itu sendiri dan tujuan transaksi perniagaan yang dimaksudkan. Jika terdapat keraguan atau syak wasangka mengenai sama ada transaksi kewangan adalah dibenarkan, hendaklah rujuk ke Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) yang bertanggungjawab dengan segera.

4.7 Kita mematuhi undang-undang kawalan eksport

Kita mematuhi peraturan kawalan eksport dan kastam negara-negara di mana kita menjalankan perniagaan. Pekerja yang diamanahkan dengan kerja-kerja mengimport, mengeksport atau memindahkan barangan, perkhidmatan, perkakasan, perisian atau teknologi diwajibkan untuk mematuhi program sekatan semasa, kawalan eksport dan undang-undang dan peraturan kastam, dan garis panduan dan proses dalam kerja mereka.

5. Kita melayani satu sama lain dengan penuh hormat

5.1 Kita mematuhi dan melindungi hak asasi dan hak sosial asas

Kita amat komited untuk menghormati dan melindungi hak asasi manusia dan telah diambil untuk menegakkan prinsip-prinsip Global Compact Bangsa-Bangsa Bersatu berhubung dengan hak asasi manusia, buruh piawaian, alam sekitar dan anti-rasuah.

Kita juga mematuhi dan menggalakkan prinsip-prinsip asas yang ditakrifkan dalam konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), seperti:

- › perlindungan terhadap diskriminasi dalam pemilihan, pengambilan, pekerjaan dan kenaikan pangkat pekerja
- › hak untuk membentuk badan-badan perwakilan pekerja
- › penolakan buruh kanak-kanak dan apa-apa bentuk buruh paksa

Kita mematuhi keperluan kanun tempatan dan memberikan secara khusus perkara-perkara berikut selaras dengan keadaan serantau:

- › gaji yang adil dan faedah sampingan
- › jangka masa kerja yang munasabah
- › percutian berbayar

Kita mematuhi peraturan-peraturan kepada umur minimum yang sah dan peraturan-peraturan perlindungan khas untuk pekerja bawah umur.


5.2 Kita promosikan budaya kerja yang terbuka dan saling menghormati

Saling menghormati patut menjadi teras kerjasama kita. Pekerja-pekerja dari 90 negara bekerja di Infineon. Kepelbagaian ini membezakan kita dan menjadikan Infineon sebuah syarikat antarabangsa yang berjaya.

Tiada sesiapa pun boleh diserang secara peribadi, dikurangkan, diganggu atau dikecualikan disebabkan oleh asal etnik, warna kulit, warganegara, agama, ideologi, jantina, umur, kecacatan, status perkahwinan, kesatuan atau hubungan politik, rupa, identiti seksual atau orientasi. Kita mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana bentuk diskriminasi, gangguan seksual, keganasan fizikal, paksaan fizikal atau penderaan secara lisan.

Profesionalisme dan prestasi hanya dapat dicapai dalam suasana kerja berasaskan hormat, amanah, toleransi dan kesamaan. Infineon tidak bertolak ansur dengan buli.

Dalam keputusan personel seperti pemilihan, pengambilan, kenaikan pangkat, pertukaran kerja, pampasan dan latihan pekerja, kita dibimbing oleh prinsip kesamaan peluang dan kriteria seperti kelayakan dan prestasi.



Sekilas pandang

- › Menghormati hak asasi manusia
- › Mengamalkan dan menjadi contoh kepada budaya hormat-menghormati
- › Memimpin melalui teladan
- › Menghormati badan perwakilan pekerja
- › Menggalakkan penjagaan kesihatan melalui pencegahan dan keselamatan kerja

5.3 Kita memimpin melalui teladan

Kita mahu mewujudkan persekitaran yang membuka prospek secara peribadi dan profesional untuk pekerja-pekerja sekalian. Gaya kepimpinan kita perlu memberi kuasa kepada pekerja untuk mencapai prestasi dan keputusan cemerlang. Oleh itu, kita mengharapkan pengurus kita untuk bertindak sebagai contoh. Mereka harus memberi bimbingan melalui prestasi, keterbukaan dan kemahiran sosial mereka dan memastikan suasana kerja yang baik.

Pihak atasan meletakkan kepercayaan kepada pekerja mereka dan memberi mereka sebanyak tanggungjawab peribadi dan kebebasan yang mungkin. Mereka menetapkan objektif yang jelas, bercita-cita tinggi, tetapi realistik, mengakui pencapaian pekerja mereka dan memberi kebebasan untuk idea-idea dan inovasi. Sebagai sebahagian daripada tugas-tugas pengurusan mereka, mereka menghalang kelakuan yang tidak boleh diterima dan bertanggungjawab untuk memastikan tiada pelanggaran peraturan-peraturan yang boleh dielakkan dengan teliti dan pengawasan dalam lingkungan tanggungjawab mereka.

5.4 Kita menghargai badan perwakilan pekerja

Kita menghormati dan mengakui hak pekerja untuk membentuk badan-badan perwakilan untuk menjalankan rundingan tawar-menawar kolektif pada keadaan kerja. Pengurusan di lokasi dan badan perwakilan pekerja perlu bekerjasama rapat dengan semangat amanah. Ini adalah asas bagi dialog yang membina dan kerjasama, dengan tujuan untuk mencapai keseimbangan kepentingan yang saksama.


Walaupun dalam pertikaian, kita masih berusaha untuk mengekalkan hubungan kerja yang mampan.

5.5 Kita promosikan kesihatan dan keselamatan di tempat kerja

Memastikan keselamatan di tempat kerja dan menggalakkan dan memelihara kesihatan pekerja adalah objektif utama syarikat. Melalui penambahbaikan yang berterusan dalam persekitaran kerja serta melalui pelbagai kempen pencegahan dan penjagaan kesihatan, kita membantu untuk mencapai matlamat ini.

Kita percaya dengan mengukuhkan kecelikan kesihatan peribadi adalah satu peluang untuk semua orang kerana ia juga membantu kita mengekalkan prestasi dan kepuasan kerja. Kesihatan dan keselamatan kerja dengan jelas boleh dipengaruhi oleh tingkah laku peribadi pekerja - setiap orang adalah bertanggungjawab untuk mengelakkan risiko kepada kesihatan mereka sendiri dengan bertindak secara berhemah, dan melaporkan kelemahan atau jurang dalam keselamatan kerja kepada pengurus mereka.

Kita juga menganjurkan persekitaran kerja kita dalam apa-apa cara yang mana keseimbangan kerja dan kehidupan yang baik boleh dicapai.



Sekilas pandang

- › Memperlakukan harta syarikat dengan berhati-hati
- › Mengekalkan dokumentasi dengan kemas dan telus
- › Selalu patuhi keperluan perlindungan data
- › Melindungi rahsia syarikat
- › Tidak sekali-kali mengeksploitasi pengetahuan dalaman



6. Kita mengendalikan peralatan syarikat dan maklumat dengan berhati-hati

6.1 Kita memperlakukan harta Infineon dengan berhati-hati

Aset Infineon adalah termasuk juga operasi dan alatan kerja. Kita sentiasa memperlakukan peralatan dengan betul dan berhati-hati dan melindunginya daripada kehilangan, kecurian, kerosakan atau penyalahgunaan. Kita menggunakan peralatan semata-mata untuk tujuan syarikat. Kegunaan peribadi sekali-sekala adalah dibenarkan, selagi ia selaras dengan polisi dalaman dan tidak dilakukan untuk melakukan jenayah atau kesalahan peraturan, atau untuk mendedahkan rahsia perniagaan.

Maklumat yang menghasut kebencian kaum, mengagungkan keganasan atau jenayah lain atau maklumat dengan kandungan seksual yang kesat terhadap latar belakang budaya masing-masing tidak sesekali boleh dimuat turun atau disebar.

6.2 Kita melindungi harta intelek Infineon

Harta intelek syarikat adalah teras kejayaan komersial kita. Melindungi hak harta intelek kita, seperti paten dan nama-nama jenama, dan juga pengetahuan teknikal kita adalah tanggungjawab utama semua pekerja. Kita mengakui dan menghormati harta intelek pesaing dan rakan niaga dan menggunakannya hanya dengan kebenaran yang jelas dari mereka atau jika dibenarkan secara sah.

6.3 Kita melindungi rahsia syarikat

Setiap seorang daripada kita adalah bertanggungjawab untuk mengekalkan kerahsiaan rahsia perniagaan dan syarikat dan maklumat bukan awam yang lain yang diamanahkan kepada kita atau yang selainnya kita menyedari sebagai sebahagian daripada kerja-kerja kita. Ini adalah berkaitan dengan semua perkara dalaman syarikat, seperti butiran organisasi, serta perkara-perkara berkaitan dengan perniagaan, pengeluaran, penyelidikan dan pembangunan, dan nilai syarikat, kecuali jika ianya sudah dipaparkan kepada awam. Pertanyaan daripada media dan penganalisis mesti sentiasa disampaikan kepada unit awam atau perhubungan pelabur masing-masing. Sesiapa yang bertindak sebagai wakil Infineon secara luaran atau yang boleh dianggap sebagai wakil Infineon, tetapi tidak diberi kuasa untuk bertindak seperti itu, perlu menjelaskan bahawa mereka bertindak atas sifat peribadi.

Ini diguna pakai terutamanya untuk media sosial. Garis Panduan Media Sosial Infineon mesti dipatuhi.

Begitu juga, kita menghormati dan melindungi rahsia perniagaan dan perdagangan syarikat-syarikat lain. Kita hanya menggunakan maklumat daripada pihak ketiga jika kita memperolehinya daripada sumber yang boleh diakses secara umum atau dengan cara yang sah disisi undang-undang.

6.4 Kita mematuhi peraturan perlindungan data dan sekuriti maklumat

Perlindungan data peribadi (pekerja, pelanggan dan pembekal) adalah keutamaan yang tinggi. Kita merakam, memproses dan menggunakan data peribadi hanya setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, peraturan dan garis panduan dalaman dan polisi. Setiap seorang daripada kita adalah bertanggungjawab untuk mematuhi kanun dan peraturan syarikat mengenai perlindungan data dan sekuriti maklumat untuk melindungi data peribadi yang diamanahkan kepada kita dan untuk melindungi dokumen sulit dan rahsia terhadap penyalahgunaan dan kehilangan. Peraturan Global “Perlindungan Data” mengandungi peraturan-peraturan yang lebih terperinci.

Kita berjanji untuk menegakkan piawaian yang mencukupi tentang sekuriti IT untuk memastikan kerahsiaan, integriti, ketersediaan, kebolehgunaan dan kebolehesanan maklumat yang perlu dilindungi.

Dalam kes-kes keraguan, Pegawai Perlindungan Data yang bertanggungjawab mestilah dilibatkan.


6.5 Kita promosikan ketelusan, keterbukaan dan kebolehpercayaan dalam dokumentasi


Amanah dalam aktiviti global kita di pihak pelabur kita dibina di atas ketelusan, keterbukaan dan kebolehpercayaan. Oleh itu, kita mematuhi keperluan kanun untuk perakaunan dan laporan kewangan yang wajar. Apa-apa rekod dan laporan yang dihasilkan untuk tujuan dalaman atau diedarkan secara luaran mestilah benar, lengkap dan mudah difahami. Data dan rekod lain mesti sentiasa lengkap, betul dan terkini dan memenuhi keperluan sistem. Kewajipan untuk memberikan maklumat yang benar juga terpakai khususnya kepada akaun untuk perjalanan dan perbelanjaan lain.

6.6 Kita tidak mengeksploitasi pengetahuan dalaman kita

Infineon tidak bertolak ansur dengan sebarang urusan secara rahsia dengan orang dalam. Sesiapa yang mendapat maklumat dalaman wajib untuk menanganinya dengan bertanggungjawab dan mengikut Peraturan Global “Undang-undang Dalaman”. Maklumat dalaman adalah maklumat khusus mengenai keadaan yang tidak diketahui umum kepada orang ramai dan yang mungkin mempunyai pengaruh yang besar ke atas harga sekuriti yang disenaraikan.

Adalah dilarang oleh undang-undang untuk menggunakan maklumat dalaman untuk memperoleh atau menjual sekuriti atau mencadangkan penjualan atau pembelian ia. Melanggar larangan ini boleh membawa kesan serius bukan sahaja untuk pekerja yang terlibat, tetapi juga untuk Infineon. Oleh itu, maklumat dalaman mesti diperlakukan dengan kerahsiaan dan tidak boleh didedahkan tanpa justifikasi - walaupun kepada pekerja lain, keluarga atau rakan-rakan.





Sekilas pandang

- › Bertindak mengikut cara yang boleh dikekalkan dan dalam persekitaran kesedaran.
- › Bertanggungjawab untuk persekitaran sosial kita
- › Mematuhi syarat-syarat umum untuk komitmen sosial

7. Kita jujur dalam tanggungjawab sosial kita

7.1 Kami komited kepada kemampanan, kualiti dan keselamatan produk

Infineon memikul tanggungjawab untuk keperluan ekonomi, alam sekitar dan sosial generasi semasa dan akan datang dan komited untuk bertindak dengan cara yang mampan. Oleh itu, kita melampirkan kepentingan tertentu untuk sentiasa mengawal dan meningkatkan kualiti produk kita. Kita mengharapkan pekerja kita untuk berurusan secara bertanggungjawab dengan potensi risiko dan melaporkannya kepada pengurus mereka.

7.2 Kita melindungi persekitaran kita

Memelihara sumber semula jadi kita adalah satu bahagian penting dalam strategi korporat kita. Kita membuat hidup lebih mudah, lebih selamat dan lebih mesra alam - dengan teknologi yang mencapai lebih, menggunakan kurang dan boleh diakses kepada semua orang. Pembangunan teknologi cekap tenaga dan produk adalah elemen teras usaha kita untuk membantu memulihara sumber. Dalam tindakan individu, kita wajib mengambil kira kesan ke atas alam sekitar dan mengelakkan kemungkinan beban ke atas alam sekitar atau mengurangkannya ke tahap minimum yang boleh diterima.

7.3 Kita menunjukkan komitmen sosial

Infineon percaya tadbir urus korporat yang bertanggungjawab juga adalah termasuk komitmen sosial (warga korporat). Oleh itu, kita menyokong institusi tanpa berdasarkan keuntungan terpilih dan inisiatif dalam bidang-bidang berikut:

- > Perlindungan alam sekitar dan kemampanan
- > Bantuan bencana
- > Pendidikan teknikal dan saintifik generasi akan datang dan
- > Keperluan sosial di tapak Infineon

melalui sumbangan kewangan dan bukan kewangan serta penajaan

Kita tidak membuat sumbangan atas dengan harapan perkhidmatan atau keputusan memihak kepada kita atau sebagai timbal balas bagi apa-apa keputusan. Setiap derma dan penajaan adalah tertakluk kepada proses kelulusan yang telus. peraturan-peraturan yang lebih terperinci boleh didapati di Peraturan Global “Kewarganegaraan Korporat”.

Infineon, pada dasarnya, tidak membuat sebarang sumbangan kepada parti-parti politik, ahli politik atau organisasi politik.

8. Kita memastikan bahawa Garis Panduan Amalan Perniagaan (BCG) dipatuhi dan dikuatkuasakan

8.1 Kita sentiasa mengambil bahagian di dalam latihan BCG

Dalam usaha untuk membuat BCG ini dikenali dan sentiasa menjadi peringatan, Infineon sentiasa mengendalikan kursus latihan pematuhan kepada pekerja untuk memaklumkan kepada mereka tentang kandungan BCG dan keperluan undang-undang yang perlu dipatuhi. Sebagai tambahan, sesi latihan pematuhan khas diadakan untuk kumpulan kakitangan yang berisiko. Setiap pekerja adalah bertanggungjawab untuk mengambil bahagian dalam latihan pematuhan yang wajib untuk semua.

8.2 Kita melaporkan salah laku secara proaktif

Kita hanya boleh mencapai objektif BCG Infineon jika setiap orang memainkan peranan masing-masing. Pengurus memastikan pekerja dalam bidang tanggungjawab mereka tahu dan mematuhi BCG.

Jika pekerja kita menemui seseorang melanggar atau telah melanggar BCG atau kanun atau peraturan dalaman, kita mengharapkan mereka untuk melaporkan perkara itu. Barulah kita boleh bersama-sama mengelakkan kerosakan kepada pekerja dan syarikat.

Terdapat pelbagai pilihan untuk melaporkan pelanggaran pematuhan:

- › 1. Pemberitahuan kepada pihak atasan anda

- › 2. Melaporkan kepada Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) Korporat, Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) Serantau bertanggungjawab atau pegawai perkhidmatan luaran
- › 3. Pemberian maklumat boleh dipos - secara terbuka atau sulit - di portal untuk laporan. Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) menyiasat setiap pemberian maklumat dan memutuskan sama ada untuk memulakan siasatan dalaman

Pilihan dua dan tiga tidak hanya terbuka kepada pekerja, tetapi juga kepada pembekal, pelanggan dan pihak ketiga yang lain. Anda boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai sistem pemberitahuan maklumat Infineon dalam Peraturan Global “Pengurusan Kes Pematuhan”. Butiran dan penyelewengan tempatan atas sebab-sebab undang-undang di negara-negara individu yang dinyatakan dalam perjanjian dengan Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) Korporat.

Sesiapa yang melaporkan pelanggaran pematuhan yang disyaki dengan niat yang baik tidak perlu takut keburukan, walaupun pelanggaran yang disyaki ternyata tidak wajar. Dengan cara yang sama, kita memperlakukan pekerja yang dituduh salah laku dengan adil. Oleh itu, kita menggesa anda untuk melaporkan juga kesilapan anda sendiri secepat mungkin.

Adalah sangat penting untuk kita memberi keutamaan kepada ketelusan. Mengenal pasti dan bertindak balas terhadap kesilapan pada masa yang baik membantu memastikan masalah kecil tidak menjadi besar. Oleh itu, kita mengharapkan pekerja untuk bekerjasama dengan segera dalam siasatan atau persoalan yang dimulakan oleh syarikat berkaitan dengan dakwaan pelanggaran undang-undang atau melanggar BCG.



Sekilas pandang

- > Mengambil bahagian dalam latihan mengenai BCG
- > Melaporkan kes yang disyaki salah laku secara proaktif
- > Mendakwa pelanggaran peraturan tanpa niat dengan ketat, tetapi sentiasa dengan cara yang sesuai
- > Saluran Pegawai Pematuhan

8.3 Kita mendakwa pelanggaran tanpa niat dengan cara yang seimbang dan mudah difahami


Kita mengambil tindakan tegas jika salah laku terbukti, dengan langkah-langkah yang adil dan difahami tertakluk kepada syarikat dan peraturan kanun. Sebagai sebahagian daripada ini, kita memastikan tindak balas kita sentiasa sesuai, dan menentukan kesan-kesan yang sesuai, perlu dan munasabah bagi setiap kes.

8.4 Ini adalah tempat yang betul untuk bertanya tentang BCG Infineon

Jika pekerja mempunyai sebarang soalan mengenai BCG, contohnya bagaimana peruntukan individu boleh ditafsirkan, pihak atasan, Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) Korporat atau Pegawai Pematuhan (Compliance Officer) Serantau yang bertanggungjawab bersedia untuk menawarkan nasihat. Begitu juga jika pekerja ingin mendapatkan penjelasan mengenai keraguan sama ada tindakan tertentu mematuhi BCG Infineon.

Pekerja boleh mencari maklumat tentang Program Pematuhan Infineon di [intranet](#).

Orang di luar syarikat boleh menghubungi alamat e-mel compliance@infineon.com pada bila-bila masa.





Infineon Technologies AG

81726 Munich
Germany

Published by
Infineon Technologies AG

© 2016 Infineon Technologies AG.
All rights reserved.

Order number: B179-I0289-V2-7600-EU-EC
Date: 12/2016

www.infineon.com